

RINGKASAN EKSEKUTIF

KERTAS CADANGAN	:	Permohonan Peruntukan Untuk Perkhidmatan Pengangkutan, Konsultan dan Pembekal Makanan Minum Peserta Bagi Projek Pembangunan Sistem <i>Productivity Practitioner Certification Program</i> di Universiti Tun Hussein Malaysia (UTHM)
TARIKH PELAKSANAAN	:	Oktober 2022
KOS YANG TERLIBAT/ PERUNTUKAN	:	BAJET: OPERASI Yuran Pembangunan Sistem: RM108,000.00 Anggaran Perbelanjaan : RM31,600.00 Anggaran Lebihan (Hasil) : RM76,400.00
BAHAGIAN/UNIT/WILAYAH	:	OED/MPC Wilayah Selatan
IMPAK	:	- Sebagai pendedahan dan pendekatan untuk <i>upskilling</i> kemahiran dan pengetahuan kepada graduan-graduan lepasan universiti awam terhadap <i>productivity improvement program</i> yang akan diaplikasikan dalam persekitaran pekerjaan di masa akan datang; dan - Meningkatkan kadar kebolehan pasaran graduan supaya dapat bersaing setelah selesai menamatkan pengajian di universiti awam khususnya graduan-graduan dari UTHM. - Memberi peluang kepada graduan untuk memenuhi sebahagian keperluan dalam <i>Program MPC-CB Productivity Specialist Certification</i> (Program Pensijilan Pakar Produktiviti MPC-CB).
BAKI PERUNTUKAN YANG ADA / TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN / TANDATANGAN PENGURUS PCT	:	

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN
LEMBAGA PENGURUSAN MPC

**PERMOHONAN PERUNTUKAN UNTUK PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN ,
KONSULTAN DAN PEMBEKAL MAKAN MINUM PESERTA BAGI PROJEK
PEMBANGUNAN SISTEM PRODUCTIVITY PRACTITIONER CERTIFICATION
PROGRAM DI UNIVERSITI TUN HUSSEIN MALAYSIA (UTHM)**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Kertas cadangan ini bertujuan memohon pertimbangan dan kelulusan dari Lembaga Pengurusan MPC berkaitan permohonan peruntukan untuk perkhidmatan pengangkutan, konsultan dan pembekal makan minum peserta bagi Projek Pembangunan Sistem *Productivity Practitioner Certification Program* di Universiti Tun Hussein Malaysia (UTHM).

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 *Productivity Practitioner Certification Program* adalah satu program pengiktirafan pensijilan yang memberi tumpuan kepada perlakuan dan cara kerja berkualiti dalam pelaksanaan tugas di tempat kerja yang menyumbang kepada peningkatan produktiviti sesebuah syarikat atau organisasi. Pekerja yang mahir dapat menghasilkan kerja yang berkualiti dan lebih yakin dalam menjalankan tugas harian yang diamanahkan. Hasil kerja yang memenuhi permintaan pelanggan dan berkualiti dapat menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan meningkatkan daya saing sesebuah syarikat atau organisasi.
- 2.2 Program ini mensasarkan kepada memenuhi sebahagian keperluan di dalam *Certified Productivity Specialist (CPS)* dan akan dijalankan secara fizikal dalam bentuk latihan, perundingan bagi memberi nilai tambah kepada graduan lepasan universiti awam untuk menembusi pasaran pekerjaan yang memenuhi keperluan pelabur dan industry berkemahiran tinggi. Seramai 5 orang pensyarah akan turut dilibatkan di dalam program ini dan seterusnya menyertai program *Certified Productivity Specialist (CPS)* bagi tujuan pensijilan.

2.3 Pelaksanaan program ini adalah berbentuk pakej di mana ianya meliputi urusan pengangkutan, perkhidmatan konsultan dan perkhidmatan makanan dan minum peserta sepanjang tempoh program seperti berikut :

- i. Tarikh : Oktober 2022 (7 hari)
- ii. Peserta : 40 orang pelajar dan 5 orang pensyarah UTHM)
- iii. Tempat : Dewan Produktiviti, MPC Wilayah Selatan
- iv. Penginapan : Bilik Asrama MPC Wilayah Selatan
- v. Pengangkutan: Bas Kendalian MPC Wilayah Selatan
(Perjalanan : UTHM - MPC Wilayah Selatan)

2.4 Objektif utama di dalam program ini adalah :

- Memahami keperluan standard pengurusan produktiviti dan kualiti;
- Meningkatkan kefahaman mengenai program kualiti dalam penetapan indikator dan merancang operasi & pengurusan yang lebih sistematik;
- Meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah dengan berstruktur dan mengadaptasi idea-idea inovatif dalam penyelesaian masalah; dan
- Minimum seramai 5 orang dari kalangan pensyarah yang mengikuti program ini berjaya dipersijilkan dengan CPS.

2.5 Pelaksanaan program ini meliputi bidang-bidang pengetahuan di dalam modul Certified Productivity Specialist (CPS) seperti berikut :

- Malaysia Business Excellence Framework (MBEF)
- LEAN Management
- Quality Management System
- Industry 4.0 (I4.0)

3.0 JUSTIFIKASI/FAEDAH-FAEDAH

3.1 Pelantikan konsultan yang berwibawa dan professional adalah penting bagi memastikan perkhidmatan latihan kepada pelanggan MPC dapat dicapai dan mengikut prosedur yang tepat.

3.2 Bagi memastikan kualiti penyampaian konsultan yang dilantik untuk menjalankan latihan adalah cemerlang dan berjaya mencapai objektif kursus yang telah ditetapkan oleh pelanggan.

4.0 PECAHAN YURAN PROGRAM DAN PERBELANJAAN

4.1 Jadual di bawah adalah pecahan yuran dan perbelanjaan program berdasarkan kepada kertas cadangan yang telah dipersetujui Universiti Tun Hussein Malaysia (UTHM).

Bil.	Perkhidmatan	Harga (RM)	Kuantiti	JUMLAH	
				Kos Perbelanjaan (RM)	Hasil (RM)
1.	Productivity Specialist Certification Program (Pakej)	2,400.00	45 orang		RM108,000.00
2.	Perbelanjaan bagi Perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan :				
	i. Pengangkutan				
	ii. Konsultan / Tenaga Pengajar	2,500.00	2 hala	5,000.00	
	iii. Makan Minum peserta	2,000.00	7 hari	14,000.00	
	(RM40.00 x 7hari x45 orang)	40.00	45 orang dan 7 hari	12,600.00	
	JUMLAH PERBELANJAAN:			31,600.00	
ANGGARAN LEBIHAN (HASIL)		RM76,400.00			

- Kadar bayaran pembekal adalah berdasarkan kepada JPPK MPC dan tertakluk kepada perubahan.

5.0 SYOR

5.1 Lembaga Pengurusan MPC adalah dipohon bagi meluluskan permohonan peruntukan operasi sebanyak RM31,600.00 untuk perkhidmatan pengangkutan, konsultan dan pembekal makan minum peserta bagi Projek Pembangunan Sistem Productivity Practitioner Certification Program di Universiti Tun Hussein Malaysia (UTHM).

Disediakan oleh:

Nazilah Ahmad
Pengurus
MPC Wilayah Selatan

Tarikh: 22/9/2022

Disahkan oleh:

Zainudin Haji Elias
Pengarah Wilayah
MPC Wilayah Selatan

Tarikh: 22/9/2022